Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Kelemahan dalam sistem pendidikan perlu dikaji

PENYAKIT GENERASI BARU – PM

SEDUTAN UCAPAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DI KONVENSYEN PENDIDIKAN KELAPAN DI MAKTAB PERGURUAN SULTAN IDRIS TANJUNG MALIM, PERAK PADA HARI ISNIN, 1 OGOS, 1983.

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (kiri) bersalaman dengan Tan Sri Ibu Zain yang turut menghadiri majlis pembukaan Konvensyen Pendidikan Kelapan di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) Tanjung Malim, Perak semalam.

TERLEBIH dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Persatuan Suluh Budiman, penganjur Konvensyen Pendidikan Kelapan, yang telah memberikan penghormatan kepada saya untuk berucap di majlis ini dan seterusnya merasmikan konvensyen ini.

Kepada Suluh Bidiman, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas daya usaha untuk mengadakan majlis forum ini sempena dengan perayaan Jubli Intan Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, bagi membincangkan satu tajuk yang penting dalam konteks pembangunan dan masa depan negara kita, "Pendidikan dan Nasionalisme" satu tajuk yang amat menarik, mempunyai pengertian yang luas, dengan sudut-sudut kontroversinya.

Teras perbincangan iaitu "penentuan konsep dan penerokaan strategi" menjadikan tajuk ini lebih mencabar lagi. Namun dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian, yang mewakili cerdik pandai, para pendidik atau "practitioners" dan mereka yang berminat dalam bidang pendidikan, saya yakin konvensyen ini dapat menghasilkan rumusan-rumusan yang berguna sebagai panduan bagi pihak-pihak yang berkenaan dalam memperbaiki lagi sistem dan persekitaran pendidikan di negara kita selaras dengan matlamat dan aspirasi negara.

Nasionalisme memainkan tugas penting dalam sejarah manusia. Semangat nasionalisme adalah satu pendorong utama di dalam sesuatu perjuangan kemerdekaan dalam memelihara hak dan kedaulatan. Tetapi, konsep nasionalisme tidak mempunyai pengertian yang universal.

Salah satu ciri yang membezakan pengertian ini ialah sama ada yang dikatakan sebagai "nation" harus terhad kepada sesuatu rumpun bangsa atau suku kaum, dengan ciri-ciri identiti budaya asalnya yang tertentu. Pada hari ini, hasil dari pertembungan peradaban dan "cross migration", sesebuah wilayah yang khusus mempunyai rumpun bangsa yang "homogeneous" hampir-hampir tidak wujud lagi. Sekarang konsep "nation" biasanya diselaraskan dengan konsep "nation state" di mana ciri-ciri "homogeneity" tidak lagi diberi keutamaan.

Begitulah dengan keadaannya, jika kita mengambil contoh kebanyakan negara, termasuk negara kita Malaysia. Yang penting bukanlah lagi untuk kembali ke dalam sejarah dan memupuk khayalan untuk kembali ke zaman lampau tetapi untuk memupuk ciri-ciri baru bagi asas sesuatu bangsa yang baru, di dalam suasana realiti yang baru dan dengan kemampuan yang ada pada kita.

Bagi kita di Malaysia, walaupun kita merupakan sebuah masyarakat majmuk, dengan suku-suku kaum yang berlainan, kita haruslah beransur-ansur memupuk teras-teras dan ciri-ciri bangsa Malaysia moden, sesuai dengan aspirasi kebangsaan mengikut realiti keadaan semasa, dan cita-cita kita di masa hadapan.

Masyarakat majmuk

Dalam keadaan hari ini, ada setengah-setengah pihak di negara kita yang bulat-bulat menolak nasionalisme sebagai bukan Islam.. Keadaan ini telah membawa keraguan di kalangan sebahagian dari rakyat yang kurang memahami tentang konsep nasionalisme dan pertalian dengan Islam. Maksud firman Allah Subhanahu Wataala yang menyatakan bahawa "manusia dijadikan berpuak-puak dengan tujuan mengenali antara satu sama lain," harus memberi pengertian kepada kita bahawa kejadian kita sebagai bangsa dan suku-suku kaum adalah ujian bagi kita untuk mempraktikan konsep persaudaraan dan hidup berbaik-baik bagi menfaat bersama.

Malahan Rasulullah s.a.w. pernah bersabda bahawa cintakan tanahair adalah sebahagian dari iman. Yang salah dari segi Islam bukanlah nasionalisme, tetapi jika kita mendewa-dewakan tanahair atau sesuatu pun sehingga mengenepikan Islam.

Adalah bagi kepentingan Islam, jika Islam dipupuk dalam konteks tertentu seperti sesebuah negara, dan usaha-usaha dijalankan untuk memperkukuhkan persaudaraan Islam sejagat. Tetapi untuk menolak nasionalisme kerana fahaman yang sempit boleh menjejaskan pencapaian objektif-objektif jangka panjang yang sebenarnya akan mengukuhkan nilai-nilai sejagat yang dianjurkan oleh Islam.

Dari apa yang saya sebutkan, nasionalisme mempunyai tugas yang penting, bukan sahaja dalam konteks memperjuangkan kemerdekaan tetapi juga dalam usaha-usaha untuk mengisi kemerdekaan dan membawa negara melalui berbagai-bagai liku cabaran semasa dan cabaran akan datang.

Dalam konteks masa kini, nasionalisme memberi erti yang lebih meliputi dan menyeluruh. Ia bukan semata-mata memberi erti dorongan untuk mencapai kemerdekaan dan mendaulatkan sesuatu bangsa dan negara, tetapi yang lebih penting ialah untuk mengisi kemerdekaan dan kedaulatan dengan nilai-nilai dan cita-cita baru yang mana dalam konteks negara kita ia meliputi juga nilai-nilai keagamaan yang berteraskan nilai-nilai Islam sejagat yang sedang diterapkan di dalam pentadbiran dan cara hidup masyarakat.

Tetapi satu hakikat yang kita harus sedari ialah pengertian umum yang biasanya mengaitkan nasionalisme dengan kemerdekaan semata-mata dan dalam konteks yang sempit hinggakan semangat masyarakat yang menyebabkan daya pendorong dan daya kreatif dan kemajuan menjadi semakin luput dari satu generasi ke satu generasi.

Kecuali jika semangat yang menyeluruh ini dipupuk dengan sedar dan dengan menggunakan cara-cara yang berkesan, sesebuah masyarakat dan negara akan menjadi lemah. Salah satu daripada media yang terpenting bagi memupuk semangat nasionalisme dengan interpretasi yang luas secara berterusan ialah pendidikan.

Semua aspek

Nasionalisme yang sesuai bagi setiap masa ialah nasionalisme yang menjadi pendorong kepada individu dan masyarakat untuk bergerak mencapai aspirasi yang mulai dari segi kemajuan fizikal dan spiritual. Individu yang perlu dihasilkan ialah individu yang mempunyai sistem nilai yang menyeluruh, yang insaf tentang peranan dan tanggungjawab terhadap diri dan masyarakatnya, yang berteraskan moral dan didorong oleh semangat inginkan kejayaan dan kebahagiaan.

Ia mestilah menjadi individu yang sanggup berdikari, menyanjung dan mengamal nilai-nilai yang tinggi dan mulia yang di dalam konteks negara kita, selaras dengan prinsip-prinsip rukunegara.

Ciri-ciri nasionalisme secara menyeluruh ini harus diterapkan melalui cara-cara yang berkesan ke dalam masyarakat. Pendidikan sudah tentu merupakan saluran yang terpenting bagi penyerapan nilai-nilai ini.

Alam pendidikan adalah satu perskitaran atau "enviroment" yang luas, yang bukan sahaja meliputi sistem pendidikan formal, malahan berbagai interaksi dan reaksi formal dan tidak formal yang menjadi keseluruhan pengalaman yang membentuk keperibadian.

Perskitaran yang berbeza-beza dari segi geo-politik, ekonomi, sosio-budaya, sistem nilai dan kekeluargaan dan lain-lain menjadikan sistem pendidikan formal yang terancang, bagi mewujudkan satu bentuk bangsa dan persekitaran yang dicita-citakan begitu penting sekali. Soalnya sekarang ialah supaya kita benar-benar memahami konsep nasionalisme yang menyeluruh dan dinamik ini, tanpa menimbulkan resah-kesah dan perpecahan. Begitu juga soalnya bagaimana kita harus memasukkan ciri-ciri nasionalisme yang menyeluruh ke dalam satu keseluruhan sistem pendidikan.

Usaha kita harus merangkumi semua aspek keutamaan ciri-ciri masyarakat yang akan dilahirkan. Seterusnya bagaimanakah kita harus membuat penekanan kepada aspek-aspek yang meliputi falsafah dan nilai di dalam kesseluruhan strategi, pendekatan dan program pendidikan supaya usaha-usaha kita dapat memperkukuhkan lagi kedudukan kita di dalam suasana yang pesat berubah dan kian mencabar.

Pendidikan sempit

Banyak perubahan yang telah berlaku sesuku abad kita merdeka. Suatu gejala yang jelas kelihatan ialah generasi baru telah beransur-ansur terpisah dari pengalaman generasi dahulu, dan telah timbul golongan-golongan yang cuma mendewa-dewakan negara-negara lain dan menancam negara sendiri tanpa memperhitungkan faktur-faktur dan keadaan di negara kita yang berlainan dari negara-negara lain.

Begitu juga terdapat sebahagian rakyat yang merasakan bahawa kemerdekaan adalah tangga yang penghabisan dan jaminan tetap bagi satu kehidupan yang mewah tanpa tanggungjawab, dan usaha yang gigih dan berterusan. Misalnya kalau dahulu pegawai-pegawai penjajah sanggup merentas hutan dengan gajah, dan berkhidmat di kawasan pendalaman yang terpencil, tetapi sekarang pegawai-pegawai tempatan tidak sanggup berkhidmat sebagai guru atau pegawai pentadbir di setengah-setengah negeri dan daerah dengan berbagai helah-jauh, terpencil, tidak ada kemudahan dan lain-lain.

Ada sebilangan rakyat pula yang begitu memilih kerja, hinggakan orang asing terpaksa diambil untuk mengisi setengah jenis pekerjaan yang ditolak oleh rakyat tempatan. Di ladang-ladang misalnya, terdapat masalah kekurangan buruh, sedangkan yang menganggur di negara kita adalah lebih 5 pratus dari tenaga pekerja.

Apa yang perlu sekarang, ialah bagi kita untuk menilai semula, di manakah kelemahan-kelemahan yang wujud di dalam keseluruhan sistem pendidikan kita, dan cara hidup kita, dan bagaimana kita harus memperbaikinya, supaya nilai-nilai sesuai dapat diserapkan di dalam masyarakat kita, dari generasi ke generasi.

Konsep pendidikan yang sempit yang memisahkan fakta semata-mata, tanpa memperselmbangkan dengan unsur-unsur sejarah dan kebudayaan, serta aspirasi negara, tidak mungkin dapat melahirkan satu perskitaran pendidikan yang boleh mewujudkan bentuk masyarakat yang menghayati nasionalisme yang saya maksudkan tadi. Tentulah dalam hal ini apa yang kita perlukan ialah penyatuan yang scimbang antara pendidikan sains, teknologi, humanities dan moral yang berorientasikan aspirasi-aspirasi kita sendiri.

Kita harus mengambil apa-apa yang baik-apa-apa yang baik yang ada pada kita dan apa yang baik dari luar. Begitu juga kita harus menolak apa yang buruk dari luar dan mengikis apa yang buruk yang ada pada kita.

Pendidikan moden yang berteraskan falsafah dan sistem pendidikan Barat, biasanya lebih memisah-misahkan bidang-bidang pengajian, dan mementingkan pengkhususan dari awal-awal lagi, dan lebih memberi keutamaan kepada kepentingan individu dari kepentingan umum. Sesecorang yang lahir dalam pendidikan moden akan dididik mengikut acuan-acuan tertentu - umpamanya melalui acuan untuk menjadi pakar ekonomi, ahli sejarah, saintis, ahli agama dan lain-lain, yang masing-masingnya memandang sesuatu mengikut kepentingan dan kacamata masing-masing sahaja.

Tidak hairanlah jika sekarang ini bermacam-macam seminar di adakan dengan tajuk-tajuk tertentu, membuat rumusan supaya aspek-aspek itu dan ini secara khusus dimasukkan di dalam kurikulum pendidikan. Seminar tentang kependudukan mahukan murid-murid diajar tentang kependudukan; seminar tentang 'enviroment' membuat perakuan supaya mata pelajaran 'enviroment' diajar di sekolah-sekolah; seminar tentang dadah, seminar tentang seks, dan lain-lain lagi menganjurkan supaya mata-mata pelajaran ini diwajibkan.

Pendidikan Barat

ini cuma menunjukkan bahawa persekitaran pendidikan tidak dapat penyediakan satu pengalaman yang menyeluruh yang dapat mendidik sesecorang sebagai anggota masyarakat yang menyeluruh dan lengkap.

Perkara ini bukan terhad kepada kita sahaja, malahan boleh dikatakan dialami oleh semua negara, walaupun apa ideologi dan sistem. Soalnya ialah bagaimana caranya yang paling sesuai dan berkesan bagi mengadakan perskitaran pendidikan yang dapat mengatasi kelemahan-kelemahan yang menjadi rungutan berbagai pihak. Ini bukanlah satu perkara yang mudah untuk dicari penyelesaian, kecuali bagi mereka yang asyik dengan khayalan mereka.

Pendidikan tidak terhad kepada bilik-bilik darjah dan bilik-bilik kuliah. Pendidikan ialah satu proses mengumpul pengalaman dan menghayati nilai-nilai hidup dari persekitaran yang luas. Ibu bapa, kawan-kawan rumahtangga dan masyarakat setempat, alam sekelilling serta berbagai-bagai faktur lain, mempengaruhi pendidikan sesecorang individu. Dari buaian ke liang lahad proses pendidikan terus berjalan bagi tiap scorang dari kita. Walaupun guru-guru memainkan peranan yang penting, aktiviti "extra-murat", dan kegiatan kanak-kanak setiap peringkat la membesar, mempengaruhi proses integrasi pengalamannya.

Soal sama ada kita dapat menyemai nilai-nilai kebangsaan atau nasionalisme menyeluruh yang kita hasratkan, memerlukan interaksi pendidikan formal yang memberi penekanan bukan sahaja terhadap ilmu pengetahuan tetapi juga kepada penyedaran dan keinsafan. Nasionalisme yang kita perlukan, seperti saya sebutkan, bukan konsep yang sempit dan "parochial", tetapi penyerapan nilai-nilai yang menyeluruh bagi membolehkan kita menyempurnakan tujuan hidup bahagia yang menjamin kewibawaan sebagai bangsa dan negara yang bermaruah dan berdaulat, dengan tidak melupakan kebahagian kita di akhirat.

Tajuk konvensyen ini tidak mungkin saya singkap di dalam satu ucapan. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan, dengan kepakaran dan pengalaman masing-masing, dapat meniliti aspek-aspek penting dengan lebih terperinci. Saya juga yakin, perbincangan tuan-tuan dan puan-puan sekalian akan menghasilkan penemuan-penemuan yang dapat membantu kita memupuk semangat nasionalisme yang selaras dengan aspirasi dan mengikut kehendak dan konteks kita.

Dengan harapan ini saya membuka Konvensyen Pendidikan ini dengan rasminya.

DATUK Seri Dr Mahathir Mohmad (tengah) memerhatikan naskah lama tahun 1950 yang dipamerkan sempena Perayaan Jubli Intan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) Tanjung Malim Perak semalam. Turut memerhatikan, Menteri Pelajaran, Datuk Dr Sulaiman Haji Daud.

"Banyak perubahan telah berlaku sesuku abad kita merdeka. Suatu gejala yang jelas ialah generasi baru telah beransur-ansur terpisah dari pengalaman generasi dahulu, dan timbul golongan-golongan yang cuma mendewa-dewakan negara-negara lain dan menancam negara sendiri tanpa memperhitungkan faktor-faktor dan keadaan di negara kita yang berlainan dari negara-negara lain."